



MENELUSURI KHAZANAH

பழஞ்சுவடுகளைத் தேடும்
நிபோங் திபால் பயணம்

N
ibong
T
ebal



Warisan Ketara



1 Tokong Kwong Hock Keong Lama

Tokong yang indah ini menjadi bukti petempatan awal masyarakat Cina di Nibong Tebal. Plak batu lama dengan tahun siap dibina iaitu 1886 juga boleh ditemukan di sini. Tokong ini dibina melalui usaha kolektif peneroka awal bagi penyembahan seorang dewa Tao iaitu Tua Pek Kong (Dewa Kemakmuran) sebagai tanda kesyukuran atas kesenangan yang dikecapi oleh

komuniti tersebut. Dahulunya, tokong ini merupakan pusat sehenti yang berperanan sebagai pusat komuniti, tempat daftar kelahiran dan kematian, serta wadah bagi penyelesaian konflik dalaman komuniti atau kes kehilangan haiwan ternakan.

2 Jeti Pekan Lama

Pada pertengahan abad ke-19, hasil tebu diangkut melalui sungai dan tali air yang terdapat di Nibong Tebal ke kilang-kilang untuk diproses menjadi gula dan dieksport ke luar. Bot-bot yang berlabuh di jeti ini turut mengangkut bahan mentah lain seperti kayu balak dari Kedah. Jeti ini turut terkenal sebagai tempat penyeludupan barangan dari pelabuhan bebas cukai di Pulau Pinang ke bahagian Seberang Perai Selatan. Selepas Perang Dunia Kedua, jeti ini tidak lagi digunakan dan dibiarkan terabai. Kini, tempat ini telah bertukar menjadi lokasi riadah bagi kegiatan memancing, melihat kelip-kelip, dan makan angin.



Source: Leiden University Library, KITLV 80009



3 Pekan Lama Nibong Tebal

Awal abad ke-19 menyaksikan pertumbuhan pesat pekan lama Nibong Tebal yang terpusat di jeti lama. Kegiatan perdagangan komersial yang rancak di kawasan sekitar jeti terlihat pada kewujudan gudang-gudang lama, rumah kedai setingkat, dan pasar basah. Perlahan-lahan, jalan-jalan baru ini telah membentuk grid yang mencorakkan perkembangan pekan lama ini. Jalan besarnya dinamakan Jalan Atas. Pada zaman kegemilangannya, pekan ini pernah menawarkan pelbagai

bentuk perkhidmatan dan barangan keperluan asas kepada penduduk setempat. Papan-papan tanda dan bangunan-bangunan lama yang kusam dimamah waktu menunjukkan perniagaan yang pernah wujud di sini seperti kedai keranda, kedai biskut, kedai ubat, bengkel besi, kedai dandan rambut, kedai basikal, dan sekolah Cina.

4 | Sri Sithi Vinayagar Devasthanam

Pada paruh pertama abad ke-20, British telah membawa masuk sejumlah besar buruh dari Selatan India untuk bekerja di ladang-ladang getah di Nibong Tebal. Komuniti ini telah membina sebuah kuil kecil sementara di sana. Pada tahun 1924, komuniti penganut Hindu di sana, dengan sokongan penderma tempatan dan kerajaan kolonial British, telah membina sebuah kuil yang lebih besar bagi menampung jumlah populasinya yang semakin padat. Kuil tersebut didedikasikan kepada Dewa Ganesha yang dipuja sebagai Sri Sithi Vinayagar. Sejak dari itu, kuil ini terus berperanan sebagai pusat kerohanian, sosial, dan kebajikan komuniti penganut Hindu setempat.



5 | Ladang Kelapa Sawit



Tanah datar rendah yang luas terbentang serta diselangi oleh sungai dan anak-anak sungai kecil menjadikan Nibong Tebal sebagai lokasi terbaik bagi kegiatan pertanian. Ekonomi perladangan di sini bermula pada awal abad ke-19 dengan penanaman tebu. Tauke-tauke Cina mengeksport gula proses ke Hong Kong, manakala saudagar British pula mengeksportnya ke pasaran Eropah. Pada awal abad ke-20, tanaman tebu telah digantikan dengan getah sebelum beralih pula kepada penana

man kelapa sawit pada tahun 1970-an. Namun, sejak tahun 1990-an, ladang-ladang ini telah dipecahkan kepada lot-lot yang lebih kecil dan sebahagiannya dijual. Para pekerja yang kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal terpaksa berpindah ke pekan untuk mencari pekerjaan baharu.

6 | Kuil Mariamman dan Komuniti Estet

Tidak semua pekerja ladang terpaksa berpindah ke pekan. Terdapat sebahagian pekerja estet dan keluarga mereka yang bernasib baik apabila mereka ditempatkan di kawasan perumahan baharu selepas kehilangan tempat tinggal asal berikutan penjualan ladang-ladang terbabit. Bekas pekerja dari Ladang Kalidonia dapat terus menghidupi pengalaman kebudayaan dan cara hidup yang diamalkan sejak sekian lama dengan pelbagai kemudahan yang tersedia seperti kuil, kedai kopi, dan padang ragut bagi lembu dan kambing ternakan mereka. Acara-acara kerohanian dan sosial disambut di Kuil Annai Arulmigu Maha Mariamman. Pada bulan Mac setiap tahun, kuil ini menyambut kelahiran dewi utamanya, iaitu Mariamman, dengan menganjurkan festival berjalan atas api iaitu Thimithi dan perarakan pedati.



7 | Pintasan Sungai Tanjung Berembang

Dahulunya, tempat menyeberang ini mempunyai khidmat feri sampan yang mengenakan tambang setengah sen bagi perjalanan sehalu. Tambang yang murah dan jarak yang lebih dekat menjadikannya pengangkutan utama bagi penduduk setempat, yang lazimnya mengangkut basikal mereka bersama, untuk bergerak dari kampung-kampung berdekatan ke pekan yang terletak di seberang sungai. Namun, perkara ini perlahan-lahan berubah setelah motosikal mula digunakan secara meluas pada tahun 1990-an. Setelah jambatan pejalan kaki siap dibina pada tahun 2010, khidmat feri sampan lama-kelamaan semakin jarang digunakan sebelum dihentikan sepenuhnya. Kini, kawasan jeti ini digunakan oleh penduduk setempat sebagai tempat berjual-beli ikan dan hasil sungai lain. Berhampiran jeti ini juga terdapat beberapa buah kedai makanan laut popular yang menjadi kegemaran penduduk setempat.



8 | Sawah Padi Sungai Acheh

Sawah padi yang permai dan sejauh mata memandang ini telah menjadi sumber mata pencarian petani tempatan bergenerasi lamanya sejak abad ke-18. Pada awal abad ke-20, pemerintah kolonial British telah memperkenalkan sistem pengairan tersusun yang dinamakan Rancangan Pengairan Krian bagi meningkatkan hasil tanaman padi untuk menampung jumlah populasi buruh yang semakin besar di sini. Sejak abad ke-21, petani sawah telah beralih dari kaedah penanaman dan penuaian tradisional secara koperasi

kepada penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan. Namun, cabaran baharu pula menanti. Tali-tali air yang mengalir menerusi sawah-sawah mereka kini lebih cetek dan kotor akibat pencemaran dari kegiatan penternakan ikan berhampiran, maka air terpaksa diambil dari hulu sungai.

9 | Pelantar Laluan Sungai Udang


Pelantar laluan sepanjang lebih kurang setengah kilometer ini dibina selari dengan tebing Sungai Kerian yang menganjur sehingga ke muara sungai. Bot-bot nelayan ditambat di pelantar pendaratan ikan di satu bahagian, manakala di sebelah darat pula tersusun deretan rumah nelayan. Kegiatan-kegiatan berkaitan perikanan berlangsung sepanjang hari di kedua-dua belah bahagian pelantar seperti membasuh bot, membaiki pukat, mengeringkan makanan laut, industri kecil pemrosesan hasil laut, dan sebagainya.



10 | Jeti Sungai Udang

Setiap hari antara jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari, jeti ini dikerumuni oleh pelanggan yang rata-ratanya terdiri daripada pengusaha restoran, peraih ikan, dan pengunjung tempatan sebaik sahaja bot-bot tiba dengan hasil laut yang segar. Pelanggan tempatan gemar berkunjung ke sini berikutan kesegaran dan kualiti hasil laut yang boleh diperolehi di jeti ini. Sesi lelongan akan dibuat selepas hasil laut dinaikkan, ditimbang, dan dilonggokkan di atas lantai. Penjual ikan

lazimnya akan meletakkan harga permulaan yang tinggi bagi setiap longgokan. Pelanggan yang benar-benar berminat boleh menghentikan penjual tersebut dan terus membelinya. Jika tiada orang yang berminat, penjual akan menurunkan harga longgokan tersebut dan melonggonya semula.



11 Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut

Dalam tempoh tiga dekad terakhir, banyak hutan bakau di Nibong Tebal telah ditebang bagi pembukaan ladang ternakan ikan, ladang tanaman, dan perumahan.

Nelayan-nelayan pantai setempat yang khuatir akan ancaman terhadap mata pencarian mereka berikutan perubahan landskap dan ekosistem ini telah bekerjasama

untuk menggerakkan inisiatif penanaman semula pokok bakau. Pusat pemulihan bakau ini telah berjaya memulihara tebing sungai dan pesisir pantai, serta menjadi tempat pembiakan anak-anak ikan. Kawasan ini telah diwartakan sebagai hutan simpan bermula tahun 2022.

12 Jeti Sungai Chenaam

Sungai Chenaam dan muaranya yang dibarisi oleh hutan bakau mempunyai ekosistem semula jadi yang kaya dengan spesies ikan dan burung. Nelayan tempatan yang mencari rezeki di laut berdekatan dapat beroleh pelbagai jenis hasil tangkapan mengikut musim dan kitaran pasang surut air.

Jeti ini bukan sekadar tempat mendaratkan hasil laut dan sungai, tetapi juga berfungsi sebagai tempat menambat dan memperbaiki bot. Komuniti setempat memanfaatkan kekayaan semula jadinya melalui inisiatif eko-pelancongan berskala kecil. Sebuah jambatan kayu telah dibina bersempena dengan program pemulihan sungai yang dinamakan Denai Sungai Kebangsaan bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan tempat ini.



13 Rumah Tradisional Melayu

Rumah-rumah petani dapat dilihat bertompok-tompok di antara petak-petak sawah yang luas terbentang di Sungai Aceh. Sebahagian kecilnya masih lagi mengekalkan ciri seni bina rumah tradisional Melayu, sementara sebahagian besar lainnya telah diubahsuai mengikut acuan seni bina moden. Kerencaman komuniti Melayu setempat yang mempunyai susur-galur dari Perak, Kedah, dan Aceh ini

tercermin dalam kepelbagaian pengaruh seni bina yang terserlah pada rumah-rumah kampung di kawasan ini. Salah satu ciri tradisional yang jelas kelihatan termasuk bumbung lipat kajang yang berbentuk seperti huruf 'V' terbalik, tiang seri yang tinggi, dan tangga hadapan yang menganjur masuk ke serambi.

Warisan Tidak Ketara



JAMBATAN MERENTANGI SUNGAI KERIAN

Rata-rata penduduk asal di Nibong Tebal masih lagi ingat akan dua jambatan bersejarah yang dibina oleh British suatu ketika dahulu iaitu jambatan kereta api besi dan jambatan gerbang keluli. Kedua-dua jambatan ini menjadi lambang kemegahan pekan ini pada awal abad ke-20.

Pada tahun 1900, British telah membina jambatan kereta api besi yang menyeberangi Sungai Kerian sebagai sambungan kepada Laluan Kereta Api Perai yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Perak. Pada tahun 1925, jambatan gerbang keluli pula dibina bagi menaiktaraf laluan perhubungan antara dua bahagian Nibong Tebal yang dipisahkan oleh Sungai Kerian. Jambatan tersebut bercirikan gerbang keluli tahan berat, dek rata untuk laluan kenderaan, dan siar kaki yang dikhaskan untuk pejalan kaki dan penunggang basikal.



Namun, kedua-dua jambatan ini telah dimusnahkan semasa Perang Dunia Kedua bagi menghalang kemaraan tentera Jepun. Selepas British mengambil alih semula pemerintahan di Malaya, mereka tersebut telah membina jambatan keluli baru yang kemudiannya diturap. Pada tahun 1991, jambatan gerbang keluli tersebut telah diperlebar bagi menampung bilangan kenderaan yang semakin bertambah.

Kedua-dua jambatan ini menjadi tempat beriadah penduduk setempat seperti mandi sungai dengan terjun dari jambatan itu, memancing di birai jambatan, bermalu asmara dengan kekasih, dan bergambar kenang-kenangan di situ.

Pada tahun 2009, jambatan kereta api besi telah dilupuskan apabila stesen kereta api di Nibong Tebal dipindahkan ke lokasi baru. Tidak lama kemudian, jambatan gerbang keluli juga telah digantikan dengan jambatan konkrit moden.

Warisan Tidak Ketara

PERAYAAN VINAYAGAR CHATURTHI

B



Perayaan Vinayagar Chaturthi merupakan acara tahunan yang disambut di Sri Sithi Vinayagar Devasthanam di Nibong Tebal bagi meraikan ulang tahun kelahiran Dewa Ganesha. Setelah tarikh perayaan ditetapkan, kuil mula mengedarkan risalah kepada penduduk setempat bagi memohon sumbangan.

Bendera kuning dinaikkan sembilan hari menjelang hari perayaan sebagai peringatan kepada para penganut untuk

memulakan diet vegetarian mereka. Selama lapan hari berikutnya, pelbagai kumpulan penganut akan bergilir-gilir menaja upacara pemujaan yang berlangsung di kuil ini.

Pada hari kesembilan, iaitu hari perayaan, orang awam akan bersama-sama terlibat menyambut perayaan tersebut di kuil. Pada jam 5 pagi, para penganut akan berkumpul terlebih dahulu di kuil Sri Madurai Veeran untuk mengambil kendi-kendi berisi susu bagi upacara abhishekam, iaitu upacara suci memandikan patung dewa. Sajian vegetarian disediakan kepada semua hadirin pada waktu tengah hari.



Perarakan pedati bermula pada sebelah petang. Murti atau patung dewa akan diletakkan di atas sebuah pedati yang dihias indah dan ditarik oleh traktor—sebelumnya ditarik oleh lembu—dan diarak ke seluruh pekan. Pada hari pertama, patung tersebut diarak melalui kawasan Ladang Victoria, Byram, dan Kalidonia. Pada hari kedua, ia diarak melalui Taman Bukit Panchor dan Ladang Krian serta diiringi oleh ucapan-ucapan doa dari para penganut.

Upacara penutup dilakukan pada hari yang kedua belas. Bendera diturunkan sebagai tanda berakhirnya Vinayagar Chaturthi. Perayaan ini kekal menjadi ruang penyatuan dan keberkatan bagi komuniti di sini.

Warisan Tidak Ketara



MISTERI RUMAH AGAM 99 PINTU

Jauh ke dalam Ladang Byram lama, tersembunyi sebuah rumah agam kolonial yang dikatakan telah dibina pada tahun 1916 oleh keluarga Ramsden iaitu pemilik Penang Rubber Estates.



Penduduk setempat memberikannya nama julukan Rumah Agam 99 Pintu berikutan bilangan bilik berpintu dua yang banyak di sana. Rumah tersebut berfungsi sebagai pejabat ladang dan tempat bagi acara-acara sosial golongan elit.

Taman yang dipenuhi bunga mekar berwarna merah menjadi tempat kegemaran tetamunya untuk bersiar-siar dan menjamu mata.



Rumah tersebut digunakan oleh askar Jepun sebagai pejabat dan bilik seksaan semasa Perang Dunia Kedua. Peristiwa hitam ini menjadi sumber kepada kisah-kisah ngeri dan berhantu mengenai rumah tersebut. Beberapa tahun kemudian, pewaris terakhir Ramsden telah mati dibunuh, dengan dua butir peluru menembusi belakang kepalanya, semasa beliau menuruni anak-anak tangga rumah itu. Sehingga kini, pembunuhan dan motif pembunuhannya kekal misteri.

Rumah yang terbengkalai itu dikatakan menjadi tempat kegemaran bomoh untuk melakukan upacara menurun. Ia kemudiannya terkenal sebagai lokasi penggambaran filem. Namun, musibah yang berlaku apabila sebuah kren penggambaran terbalik di atas bangunan tersebut telah memusnahkan separuh daripada struktur asalnya.

Di balik kisah-kisah seram yang menyelubungi rumah agam ini, penduduk setempat menjadikan rumah tersebut sebagai tempat menguji keberanian dan kerap menerokanya bagi mengesahkan cerita-cerita seram mengenai rumah tersebut. Walaupun penerokaan sebegini tidak lagi dapat dilakukan kerana ia telah dikunci atas sebab keselamatan, lagenda Rumah Agam 99 Pintu kekal tersemat dalam ingatan mereka yang membesar dengan kisah-kisahnyanya.



Warisan Tidak Ketara

PENANAMAN PADI TRADISIONAL DI SUNGAI ACHEH



Pada masa dahulu, kegiatan penanaman padi merupakan suatu pekerjaan yang mengerah keringat dan memerlukan buruh manual. Para petani lazimnya mengamalkan suatu bentuk koperasi tradisional yang dipanggil *berderau* bagi menguruskan petak-petak sawah yang lebih besar.

Sepanjang kitaran semaian dan tuaian, para petani dan keluarga mereka akan berkumpul dan bergilir-gilir membanting tulang mengerjakan sawah mereka. Semangat gotong-royong ini melibatkan ramai petani yang membantu untuk mempercepat dan meningkatkan kecekapan dalam mengusahakan sawah-sawah mereka. Amalan ini juga mengeratkan lagi hubungan persaudaraan antara penduduk kampung apabila mereka menjamu selera bersama setelah seharian penat bekerja.



Keri



Tajak



Sisir Kapar



Kuku kambing

Petani menggunakan kearifan mereka untuk mencipta alat buatan tangan bagi kerja merumput, menyemai, membajak, dan menuai di tanah sawah yang lembut dan berair ini.

Pada masa kini, petani menggunakan jentera mekanikal dan alat bantu teknologi moden dalam penanaman padi termasuk penyewaan traktor bagi kerja membajak dan penggunaan dron bagi penaburan baja dan racun. Seseengah petani turut mengupah buruh luar untuk mengerjakan sawah mereka.



Warisan Tidak Ketara



PEKAN SELASA SUNGAI ACHEH



Jika anda bersiar-siar di Sungai Aceh pada hari Selasa pagi, anda pasti akan melepasi gerai-gerai yang dibuka di sepanjang jalan yang terletak di antara dua sawah padini. Pekan Selasa yang sepanjang setengah kilometer dibuka seawal 6.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Pasar terbuka sementara ini merupakan acara mingguan yang dinanti-nantikan oleh penduduk kampung di Sungai Aceh dan menjadi pusat sehenti bagi mendapatkan barangan keperluan harian mereka. Gerai-gerai yang terdapat di sini menawarkan pelbagai jenis barangan dari barangan segar dan basah seperti daging, ikan, dan sayur, sehingga barangan dapur dan harian lain.



Menurut penduduk asal yang lebih berumur, Pekan Selasa merupakan suatu warisan budaya yang telah lama wujud sebelum adanya kedai-kedai. Pada masa dahulu, pasar jalanan ini tidak sahaja menjual barangan tetapi turut menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan dan juga hiburan. Pada masa itu, anda dapat mencabut gigi dan menindik telinga di sana. Terdapat juga ahli silap mata dan pawang ular yang

membuat persembahan kepada pengunjung, serta saudagar ubat yang berkongsi kisah ajaib akar dan ramuan mustajab mereka yang didakwa dapat menyembuhkan segala jenis penyakit.

Warisan Tidak Ketara

KEAJAIBAN DALAM BENCANA TSUNAMI



Sungai Udang merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terletak di muara Sungai Kerian. Terdapat sebuah tokong di tengah-tengah kampung ini iaitu Tokong Thean Hou Sheng Mu yang didedikasikan kepada Machor, dewi yang melindungi pelaut. Terdapat suatu kisah luar biasa yang diceritakan oleh penduduk setempat mengenai keajaiban dewi tersebut yang telah melindungi mereka dari bencana.

Pada Disember 2004, penduduk kampung dikejutkan oleh kelakuan ganjil ikan-ikan di dalam kolam ternakan. Bimbang dengan keadaan itu, persatuan akuakultur setempat telah mendapatkan bantuan orang tua-tua tempatan untuk melakukan upacara menurun yang dipanggil "Memegang Dahan Willow" (Fu Liu). Ritual ini menyeru semangat Mahaguru Gong Abadi (Xian Fa Shi Gong) yang masuk ke dalam dahan pokok tersebut dan bergerak sendiri di tangan orang tua-tua lalu menulis punca kelakuan ganjil ikan-ikan itu datang dari bawah tanah.

Orang kampung yang mengambil berat akan amaran itu segera menjalankan upacara sembahyang di tokong dengan memberi kuih huat, karpap, dan teh sebagai persembahan kepada Machor selama tiga malam berturut-turut. Selepas malam ketiga, satu gegaran kuat seperti gempa bumi dapat dirasai, dan ombak gergasi dapat dilihat dari kejauhan. Namun, sebelum ombak itu sempat menghempas jeti, ia secara misteri terbelah dua dan hilang dari pandangan.

Keesokan harinya, khabar-khabar berlegar mengenai kampung-kampung berdekatan yang musnah dipukul tsunami dengan banyak bot terbalik dan jeti yang ranap. Namun, perkampungan nelayan Sungai Udang langsung tidak terjejas, tiada bot atau jeti yang musnah.



Kawasan Nibong Tebal,
Pulau Pinang



Ketahui lebih lanjut tentang
Projek Warisan Budaya
Nibong Tebal

PENGHARGAAN

Projek Warisan Budaya Nibong Tebal

Risalah ini merupakan hasil kerjasama dengan pelbagai komuniti di Nibong Tebal yang telah berbesar hati untuk berkongsi kearifan serta kisah-kisah tempatan yang telah mencorakkan kebudayaan masyarakat di sini. Projek ini adalah satu projek di bawah Program Geran Pekan Seberang Perai.

© Think City & Arts-ED, 2025

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula sama ada sebahagian atau penuh, dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.

Semua usaha telah dilakukan bagi memastikan ketepatan maklumat pada waktu penerbitan. Think City dan Arts-ED tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesalahan atau kecaciran fakta yang mungkin berlaku secara tidak sengaja.

Diterbitkan oleh :

arts~ED

thinkCITY
Bersama Membentuk Bandar Berdaya Hati.



Dengan sokongan dan kerjasama :



Chew Thong Tai

Info lanjut tentang
Seberang Perai
spkita.my



Petempatan Desa di Nibong Tebal

Dataran yang subur dengan sumber air yang banyak di kawasan Lembangan Sungai Kerian menjadikan lokasi ini ideal bagi kegiatan penanaman padi dan perikanan. Sejak tahun 1850-an, kawasan ini telah ditempati oleh pendatang dari Kedah, Patani, Indonesia, dan Borneo.

Landskap desa dan kehidupan masyarakat setempat, terutama di sebelah barat Nibong Tebal, banyak dicorakkan oleh kegiatan ekonomi tradisional iaitu penanaman padi dan perikanan. Rumah-rumah petani dibina secara berkelompok di kampung-kampung kecil yang terletak berhadapan dengan sawah padi yang luas terbentang. Kegiatan ini bertambah rancak setelah pelaksanaan Rancangan Pengairan Krian pada tahun 1890-an. Pada tahun 1960, sistem pengairan ini telah dibina semula bagi membolehkan musim tuai dilakukan dua kali setahun.


Kegiatan perikanan laut dan air tawar di kawasan ini jelas terlihat pada kesibukan bot berwarna-warni yang bermukim dari jeti ke jeti yang banyak terdapat di sini. Hasil tangkapan dijual secara borong kepada masyarakat setempat. Terdapat juga sekitar 60 buah ladang ternakan ikan yang kebanyakannya tertumpu di Sungai Udang. Hasil dari ladang ternakan tersebut dijual ke pekan-pekan luar di dalam negara serta dieksport ke negara-negara jiran dan Australia.

Warisan Ketara

- | | | | |
|----|-----------------------------------|----|--|
| 7 | Pintasan Sungai Tanjung Berembang | 11 | Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut |
| 8 | Sawah Padi Sungai Aceh | 12 | Jeti Sungai Chenaam |
| 9 | Pelantar Laluan Sungai Udang | 13 | Rumah Tradisional Melayu |
| 10 | Jeti Sungai Udang | | |

Warisan Tidak Ketara

- | | | | |
|---|---|---|---------------------------------|
| D | Penanaman Padi Tradisional di Sungai Aceh | F | Keajaiban Dalam Bencana Tsunami |
| E | Pekan Sela Sungai Aceh | | |



Pembandaran di Nibong Tebal

Menjelang pertengahan abad ke-19, ahli-ahli perniagaan Cina dan Eropah mulai sedar akan keuntungan nilai tanah sebagai komoditi komersial. Mereka membeli sawah-sawah padi yang luas dari petani yang bersejua untuk menjualnya dan menukarnya menjadi ladang tebu. Penanaman tebu ini kemudiannya digantikan oleh ladang getah pada awal abad ke-20, sebelum beralih kepada penanaman sawit pada penghujung abad ke-20 sehingga awal abad ke-21.

Perkembangan ini diikuti oleh kemusnahan migran dari China, India, dan Kepulauan Melayu untuk memenuhi keperluan buruh di ladang-ladang ini serta perniagaan berkaitan. Kegiatan perdagangan mulai tertumpu di jeti-jeti utama. Sungai dan tali air menjadi laluan utama bagi pengangkutan bahan mentah dan barangan keperluan harian. Menjelang awal abad ke-20, kerangka kegiatan perdagangan ini telah mengubah kawasan di sekitar jeti menjadi pekan kecil yang dilengkapi pelbagai bentuk kemudahan dan perkhidmatan seperti sekolah, hospital, rumah ibadat, dan sebagainya.

Walaupun ladang-ladang sedia ada kekal sebagai salah satu unsur utama yang membentuk landskap Nibong Tebal, realitinya banyak ladang ini telah dipecah lotnya dan dijual. Natijahnya, pekerja-pekerja ladang yang kehilangan mata pencarian terpaksa berpindah ke kawasan pekan atau mencari pekerjaan di kilang-kilang yang terdapat di zon perindustrian ringgir. Perubahan ini telah mendorong pembangunan kawasan pinggir bandar di sekeliling pekan Nibong Tebal yang kini mempunyai kepadatan populasi sekitar 40,000 orang.

Warisan Ketara

- | | | | |
|---|------------------------------|---|-----------------------------------|
| 1 | Tokong Kwong Hock Keong Lama | 4 | Sri Sithi Vinayagar Devasthanam |
| 2 | Jeti Pekan Lama | 5 | Ladang Kelapa Sawit |
| 3 | Pekan Lama Nibong Tebal | 6 | Kuil Mariamman dan Komuniti Estet |

Warisan Tidak Ketara

- | | | | |
|---|-----------------------------------|---|-----------------------------|
| A | Jambatan Merentangi Sungai Kerian | C | Misteri Rumah Agam 99 Pintu |
| B | Perayaan Vinayagar Chaturthi | | |

Petunjuk

- | | | | |
|--|------------------------|--|---------------------|
| | Hutan Paya Bakau | | Ladang Kelapa Sawit |
| | Kolam Penternakan Ikan | | Sawah Padi |

Garis Masa Sejarah

1700

Petempatan Awal Melayu

Orang Melayu merupakan peneroka terawal di kawasan pesisir Seberang Perai. Mereka mengamalkan kegiatan ekonomi sara diri dalam pertanian dan perikanan. Populasi masyarakat Melayu semakin meningkat semasa konflik Siam-Kedah pada tahun 1821-1832.



1790s

Petempatan Awal Cina

Komuniti Teochew merupakan antara komuniti Cina terawal yang menempati Batu Kawan setelah melarikan diri dari kehidupan melarat di negara China. Mereka memproses gula bagi memenuhi permintaan tinggi di Britain.



1800s

Penjajahan British

Setelah memperolehi Seberang Perai daripada Kedah, pihak British telah membangunkan tanah tersebut untuk tujuan pertanian. Penanaman tebu dan teknologi pemrosesan gula bagi memenuhi permintaan tinggi di Britain.



1830s

Pekan Lama Nibong Tebal

Pekan lama Nibong Tebal bermula di sekitar Jeti Nibong Tebal yang berfungsi sebagai tempat pengumpulan dan pengedaran utama hasil pertanian di Sungai Kerian.



1850s

Migrasi Buruh dari India dan Kepulauan Melayu

British membawa masuk orang Tamil dari tanah jajahannya di India sebagai buruh ladang tebu dan tembakau, dan Ramden, iaitu seorang warga British yang merupakan pemilik Penang Sugar Estates Ltd.



1870s

Raja-raja Gula

Pemilik ladang terbesar pada zaman ini ialah Khaw Boo Aun, iaitu seorang Teochew yang memiliki beberapa ladang tebu dan tembakau, dan Ramden, iaitu seorang warga British yang merupakan pemilik Penang Sugar Estates Ltd.



1896

Peningkatan Skala Penanaman Padi

Selepas sempadan antara Perak dan Seberang Perai ditetapkan semula apabila temeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874, British telah melaksanakan 'Rancangan Pengairan Krian' bagi merangsang ekonomi tradisional orang Melayu serta meningkatkan penghasilan beras bagi menampung populasi yang semakin meningkat.



1900s

Pengangkutan Sungai Awal

Sungai Kerian merupakan laluan air utama di Nibong Tebal. Sampan digunakan untuk mengangkut bahan mentah dan penduduk setempat. Setelah itu, bot penumpang (seperti feri Tanjung Berembang yang mengangkut bayaran setengah sen) dan titi timbul diperkenalkan untuk menghubungkan kawasan luar bandar dengan pekan lama.



1913

Perkembangan Pesat Getah dan Petempatan India

Apabila harga gula jatuh, pemilik-pemilik ladang mula beralih kepada penanaman getah dan tanaman lain. Buruh-buruh dari India Selatan direkrut untuk bekerja di ladang getah bagi menempah kontrak yang lebih panjang dan diberikan tempat tinggal. Ramai yang kekal sebagai penduduk tetap.



1930s

Perkembangan Pekan Lama

Pekan lama terus berkembang meliputi Jalan Atas, Lorong Boo Aun, Jalan Baru dan Jalan Pintu Sepuluh sejajar dengan pembukaan pelbagai jenis pejabat, gudang, dan perkhidmatan seperti dobi dan kedai gunting rambut.



1948

Darurat Tanah Melayu

Sentimen anti-kolonial yang memuncak selepas Perang Dunia Kedua telah mendorong British untuk menjual ladang-ladangnya kepada pembeli tempatan. Cucu kepada seorang pembeli ladang British, iaitu Ramden, disyaki telah dibunuh oleh penduduk tempatan di pejabatnya di Ladang Byram yang juga dikenali sebagai 'Rumah Agam 99 Pintu'.



1957

Merdeka

Kerajaan tempatan yang menggantikan pentadbiran British selepas merdeka menyaksikan V. Veerappen dipilih sebagai Ahli Parlimen pertama bagi Seberang Perai Selatan. Antara isu yang beliau perjuangkan termasuk penempatan semula pekerja ladang Tamil dan pendidikan berkualiti untuk semua.



1980s

Industri Baharu dan Modernisasi

Strategi kepelbagaian ekonomi telah menggalakkan perkembangan ladang kelapa sawit, penternakan ikan dan kawasan perindustrian. Pembangunan, perumahan dan komersial yang baharu telah memperluas kawasan bandar, manakala jalan raya yang lebih luas, jambatan dan landasan kereta api elektrik baharu telah memodenkan sistem pengangkutan.

Peralihan daripada kehidupan tradisional kepada kehidupan moden serta kesannya terhadap masyarakat tempatan dirakam dalam tulisan dan puisi Dr. Muhammad Haji Salleh, salah seorang sarjana sastera terkemuka Malaysia, yang dibasiskan di Sungai Aceh.

